

31 DEC 1998

DR MAHATHIR LAWAT PEKAN RABU

ALOR SETAR, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa kira-kira 45 minit melawat Pekan Rabu sambil membeli beberapa barangan.

Dr Mahathir mengunjungi beberapa gerai jualan dan beliau dilihat membeli songkok, nasi ulam dan kuih-muih.

Pekan Rabu, pusat perniagaan yang menjual pelbagai barangan dan bahan makanan popular Kedah, merupakan nostalgia kepada Dr Mahathir kerana beliau pernah menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di situ dan kini kebiasaannya setiap bulan puasa beliau singgah membeli juadah dan barangan lain di situ.

Petang ini, beliau bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan berbuka puasa bersama orang ramai di Kem Rejimen Askar Melayu Tok Jalai, Kepala Batas.

Sebelum itu, sebaik tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas, Perdana Menteri di sambut oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, para Exco dan pegawai kerajaan negeri.

Kemudian bertempat di rumah Dr Mahathir di Titi Gajah, Dr Siti Hasmah menyampaikan kuih raya, duit raya sumbangan Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) untuk kanak-kanak miskin dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Sumbangan itu diterima oleh Pegawai Daerah Kubang Pasu, Syed Farooq Ibrahim.

-- BERNAMA

MZM/jm RON